

Perwakilan berhak beri pendapat

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, para perwakilan berhak menyuarakan pendapat mereka kerana keseluruhan proses perhimpunan Umno ini adalah satu sidang dialog antara mereka dengan pucuk pimpinan parti.

Bellau berkata demikian menjawab ulasan setengah perwakilan yang mengangap ucapan dasar bellau semalam, terutama yang menyentuh kedudukan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Naib-Presiden Umno dan menyelar "leftenan-leftenan" agar menghentikan kempen, sebagai terlalu keras.

Sekiranya segala ucapan dasar itu diterima sebulat suara tanpa dibahas oleh para perwakilan, maka perhimpunan pada tahun ini tidak boleh dianggap telah mengadakan dialog, tegas bellau.

"Sedangkan pada waktu inilah segala perasaan dan cita-rasa mereka dapat diperdengarkan oleh pucuk pimpinan parti. Untuk menerima pandangan

mereka atau tidak, akan saya jelaskan esok," tambah bellau.

"Apa yang saya cakapkan itu tidak mungkin semuanya betul atau pun semuanya salah. Tetapi, saya akan cuba menjelaskan kepada mereka bahawa pandangan saya itu betul dan boleh diterima," katanya lagi.

Mengenal ucapan dasarnya itu yang boleh menimbulkan kegelisahan bagi setengah golongan, seperti menyelar "leftenan-leftenan" supaya memberhentikan kempen mereka, bellau menegaskan, itu tidak menjadi masalah.

"Saya pernah memarahi orang-orang seperti ini, tetapi, saya tetap bekerja bersama mereka dan tidak menimbulkan sebarang masalah," tambahnya.

"Pemimpin bukan pengarah rakyat. Mereka menjadi pemimpin kerana dipilih sendiri oleh rakyat. Perhubungan antara pemimpin dengan rakyat itu perlu wujud. Jangan nanti apabila berjalan ke satu hala dan apabila memusing ke belakang, tidak ada seorang pun yang mengikuti kita," tegas bellau.